7. Yang bertandatangan di bawah ini berniat, jika Tender ini disetujuterima, memilih salah satu daripada bentuk Bon Pelaksanaan seperti berikut:

\*(i) Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) / Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) atau;

\*(ii) Jaminan Syarikat Kewangan atau;

\*(iii) Jaminan Insurans/Takaful atau;

\*(iv) Wang Jaminan Pelaksanaan yang dikenakan potongan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai jumlah lima peratus (5%) daripada Jumlah Harga Kontrak.

8. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju, jika Tender ini disetujuterima, mendeposit, dengan seberapa segera yang praktik selepas penerimaan Surat Setujuterima Tender tetapi sebelum bermulanya Kerja, perkara-perkara berikut:

(a) Bon Pelaksanaan (jika petender memilih kaedah Jaminan Bank / Bank Islam / BPMB / Bank SME / Insurans / Takaful atau Syarikat Kewangan sahaja) dan jikalau gagal dikemukakan pada tarikh milik tapak, \*Kerajaan berhak untuk melaksanakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan;

---

\* Petender dikehendaki memotong yang tidak berkenaan.

- (b) Polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
- (c) Polisi Insurans Kerja atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
- (d) Nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO);

Yang bertandatangan di bawah ini selanjutnya bersetuju mendeposit Polisi-polisi Insurans yang berkenaan dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas Nota Liputan diserahkan.

9. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju jika kerja-kerja gagal dimulakan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh milik tapak, pengambilan kerja di bawah kontrak akan ditamatkan sejajar dengan Fasal 51.1(a)(i) Syarat-Syarat Kontrak.

10. Yang bertandatangan di bawah ini dengan ini juga bersetuju bahawa Borang Tender ini berserta Surat Setujuterima Tender (jika ada) hendaklah menjadi kontrak yang mengikat antara kita.

11. Yang bertandatangan di bawah ini mengesahkan, selepas menyemak sendiri, bahawa dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang digunakan oleh yang bertandatangan di bawah ini untuk menyusun Tender ini adalah salinan-salinan yang sebenarnya bagi dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang dimasukkan dalam Dokumen Meja Tender.

12. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa:

- (a) jika Tender ini ditarik balik sebelum tamatnya Tempoh Sah Tender atau apa-apa tempoh lanjutan, atau
- (b) jika yang bertandatangan di bawah ini mengenakan apa-apa had, syarat atau janjian tambahan kepada Tender ini selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan tender atau,
- (c) jika sekiranya Tender telah disetujuterima, yang bertandatangan di bawah ini enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal atau mendeposit Bon Pelaksanaan (jika petender memilih kaedah Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) / Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) / Insurans/ Takaful atau Syarikat Kewangan sahaja) sebagaimana dikehendaki oleh Syarat-Syarat Kontrak atau tidak meneruskan Kerja, maka, dalam mana-mana hal itu, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, UKM sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini atau membatalkan pendaftaran yang bertandatangan di bawah ini sebagai kontraktor UKM, sebagaimana difikirkan perlu oleh UKM.

Bertarikh pada..... haribulan..... 20.....

.....  
**Tandatangan Petender**

Nama Penuh : .....

Atas sifat : .....

yang diberikuasa dengan sempumanya untuk  
menandatangani Tender ini untuk dan bagi  
pihak:

.....  
**Meterai atau cap Petender**

Saksi : .....

Nama Penuh : .....

Pekerjaan : .....

Alamat : .....

.....

## **SYARAT-SYARAT MEMBUAT TENDER**

1. Keseluruhan Kerja yang dinyatakan dalam Dokumen Tender yang ditunjukkan di atas Meja Tender (kemudian dari ini disebut "Dokumen Meja Tender") akan diberi secara Kontrak.
2. (a) Tiap-tiap petender mestilah menyerahkan, dalam suatu sampul surat bertutup dan bermeterai yang dialamatkan sebagaimana ditetapkan dalam Notis Tender, suatu tender yang sah dalam Borang Tender yang diperuntukkan, bersama dengan salinan Spesifikasi (jika ada diberikan) dengan sempurnanya dan Ringkasan Tender yang diisi dan ditandatangani dengan sempurnanya. Borang Tender yang tak lengkap atau tak bertandatangan akan ditolak.  
(b) Tiap-tiap petender mestilah mencatatkan, dalam ruang yang diperuntukkan dalam Borang Tender, masa yang akan dikehendakinya bagi menyiapkan Kerja itu.  
(c) Petender hendaklah di mana sahaja dikehendaki dalam Dokumen Tender, meletakkan harga dalam Jadual Kadar Harga yang hendaklah diisi dengan dakwat dan ditandatangani dengan sempurnanya oleh petender. Sebelum Surat Setujuterima dikeluarkan, harga dan kadar harga dalam Jadual Kadar Harga dan Ringkasan Tender hendaklah diteliti dan diselaraskan oleh Pegawai Penguasa dengan memastikan kemunasabahannya tanpa mengubah amaun yang dinyatakan di dalam Borang Tender.
3. Jika mana-mana petender:
  - (a) menarik balik tendernya sebelum tamat Tempoh Sah Tender atau apa-apa tempoh lanjutan, atau
  - (b) mengenakan had, syarat atau janjian tambahan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahantender (dan dalam hal yang sedemikian ianya hendaklah disifatkan sebagai penarikan balik tender ini), atau
  - (c) jika sekiranya tender telah disetujuterima, enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal atau mendeposit Bon Pelaksanaan (jika petender memilih kaedah Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) / Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) / Insurans/ Takaful atau Syarikat Kewangan sahaja) atau tidak meneruskan Kerja;
4. Tiada apa-apa perubahan atau tambahan yang tidak dibenarkan boleh dibuat kepada Borang Tender atau mana-mana Dokumen Tender yang lain.
5. (a) Tender-tender dan dokumen-dokumen berhubung dengannya yang dinyatakan dalam Klausula 2 di atas, mestilah diserahkan di tempat dan pada atau sebelum masa yang ditetapkan dalam Notis Tender bagi penyerahan tender.  
(b) Jika sesuatu tender tidak diserahkan dengan tangan, petender mestilah menguruskan bagi tendernya dan dokumen-dokumennya yang lain dihantar dengan pos supaya sempat sampai di tempat yang ditetapkan tidak lewat dari masa yang ditetapkan.  
(c) Mana-mana tender yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari apa jua sebab, tidak akan dipertimbangkan.  
(d) Tiada apa-apa jua perbelanjaan yang ditanggung oleh petender bagi menyediakan tendernya boleh dibayar kepadanya.

6. Jika sekiranya atas permintaannya, seseorang petender diberikan salinan-salinan sesuatu Dokumen Tender, maka adalah menjadi tanggungjawabnya seorang diri untuk meneliti salinan-salinan itu dan memuaskan hatinya bahawa salinan-salinan itu adalah sebenarnya salinan-salinan dokumen yang termasuk dalam Dokumen Meja Tender. Jika sekiranya terdapat apa-apa perbezaan atau percanggahan antara mana-mana salinan yang diberi kepada petender dengan salinan dalam Dokumen Meja Tender atau antara mana-mana dokumen yang termasuk di dalamnya, maka adalah menjadi tanggungjawabnya seorang diri untuk memohon secara bertulis kepada Pegawai Penguasa supaya dibetulkan perbezaan atau percanggahan itu tidak lewat dari tujuh (7) hari sebelum tarikh akhir yang ditetapkan dalam Notis Tender bagi penyerahan tender. Apa-apa jawapan yang hendak dibuat oleh Pegawai Penguasa atas permohonan itu hendaklah dibuat dengan cara Memorandum Tender yang hendaklah dihantar kepada semua petender. Memorandum Tender itu hendaklah menjadi sebahagian daripada Dokumen Tender dan Tender yang diterima akan disifatkan sebagai berdasarkan pada huraihan, ubahsuai atau perluasan kepada dokumen asal yang mengandunginya.
7. Petender hendaklah disifatkan telah memeriksa dan meneliti Tapakbina dan sekitarnya dan telah berpuas hati sebelum menyerahkan tendernya tentang jenis bumi dan lapisan tanah, bentuk dan jenis Tapakbina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dengan dan akses ke Tapakbina, tempat tinggal yang mungkin dikehendaki dan pada amnya hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luarjangka dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjelaskan tendemya.
8. Tender-tender hendaklah terus sah selama tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir bagi penyerahan tender sebagaimana yang ditetapkan dalam Notis Tender (dalam Syarat- Syarat Membuat Tender ini disebut "Tempoh Sah Tender") dan tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.
9. \*Kerajaan tidak boleh terikat menyetujuterima tender yang rendah sekali atau sesuatu tender dan juga tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab atas penolakan sesuatu tender.
10. Petender yang berjaya (jika ada) hendaklah diberitahu tentang tendernya dengan surat (disebut "Surat Setujuterima Tender") dalam Tempoh Sah Tender atau apa-apa tempoh lanjutan. Petender tersebut hendaklah dengan seberapa segera yang praktik tetapi sebelum bermulanya Kerja mendeposit dengan Pegawai Penguasa, perkara-perkara berikut:
  - (a) Bon Pelaksanaan (jika petender memilih kaedah Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) / Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) / Insurans/ Takaful atau Syarikat Kewangan sahaja) berjumlah sebanyak 5% daripada Jumlah Harga Kontrak dan jikalau gagal dikemukakan pada tarikh milik tapak, \*Kerajaan berhak untuk melaksanakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan;
  - (b) Polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang atau kerosakan kepada harta) atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
  - (c) Polisi Insurans Kerja atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
  - (d) Nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO);Petender tersebut hendaklah selanjutnya mendeposit Polisi-polisi Insurans yang berkenaan dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas Nota Liputan diserahkan.
11. Semua jadual butir-butir yang dilampirkan kepada Dokumen Tender hendaklah diisi dan diserahkan oleh petender berserta dengan tendernya.
12. Tiap-tiap notis yang hendak diberi kepada petender bolehlah diposkan ke alamatnya yang dinyatakan dalam tender itu dan pengeposan itu hendaklah disifatkan sebagai penyampaian yang sempurna akan notis itu.

13. Perkataan "petender yang berjaya" hendaklah bererti bahawa petender yang mana tendernya telah diluluskan dan disetujuterima oleh \*Kerajaan.
14. Perkataan "petender" dalam Syarat-Syarat ini hendaklah disifatkan sebagai termasuk dua orang atau lebih.
15. Jika petender tidak mematuhi Syarat-Syarat tersebut di atas mengenai apa-apa jua hal maka tendernya boleh ditolak.
15. Syarat-Syarat Membuat Tender ini, setakat mana Syarat-Syarat itu mungkin menyentuh pelaksanaan Kontrak ini, hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada Kontrak ini.

\*Nota :

**Kerajaan ertinya Universiti Kebangsaan Malaysia dan termasuklah Pegawai –  
Pegawai mereka yang diberi kuasa.**



## SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BERKAITAN PEMATUHAN KE ATAS SOP DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA

### PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) DAN GARIS PANDUAN KEBENARAN BEROPERASI SERTA PERGERAKAN PEKERJA DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA

1. Syarat-syarat tambahan ini adalah bertujuan untuk memastikan kontraktor mematuhi undang – undang dan akta – akta berkaitan penyakit berjangkit iaitu covid-19 di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan akta – akta berkaitan.
2. Kerja pembinaan/Perkhidmatan/Bekalan boleh diberhentikan serta merta dan apa-apa tindakan sewajarnya termasuk pengantungan atau pembatalan pendaftaran kontraktor/syarikat boleh diambil terhadap kontraktor/syarikat sekiranya kontraktor/syarikat gagal mematuhi SOP yang ditetapkan.
3. Kontraktor/syarikat hendaklah mematuhi Prosedur Operasi Standardf (SOP) terkini dan Soalan Lazim (FAQ) yang dikeluarkan oleh UKM, Majlis Keselamatan Negara (MKN), CIDB, KKM dan agensi yang termasuk di dalam rantaian sektor pembinaan dan perkhidmatan.
4. **Semua pekerja dan majikan warga tempatan dan asing WAJIB menjalani Ujian Pengesanan Covid-19 (RTK-Rapid Test Kit) sebelum dibenarkan memulakan kerja/perkhidmatan di dalam premis UKM. Kos Ujian Pengesanan Covid-19 ini hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh syarikat/kontraktor.** Hanya pekerja yang disahkan bebas Covid-19 sahaja dibenarkan bekerja. Mana-mana pekerja yang disyaki mempunyai gejala Covid-19 hendaklah segera diasingkan sebelum diambil tindakan selanjutnya mengikut prosedur yang ditetapkan KKM.
5. **Kontraktor/Syarikat hendaklah memastikan hanya pekerja yang lengkap divaksinasi sahaja boleh bekerja di dalam premis UKM. Pekerja yang didapati tidak lengkap divaksinasi hendaklah diwajibkan untuk mengambil ujian rapid test kit (RTK) setiap 2 minggu dengan kos ditanggung majikan.**
6. Kontraktor/syarikat hendaklah menyesuaikan bilangan pekerja di tapak bina bagi membolehkan penjarakan sosial dipatuhi. Oleh yang demikian Kontraktor atau syarikat digalakkan –
  - a) melaksanakan pengurusan risiko, penjadualan kerja dan pengagihan pekerja secara “sequence” atau “staggered” mengikut skop kerja yang akan dilaksanakan; dan
  - b) mewujudkan sistem bekerja dari rumah yang sesuai bagi pekerja yang tidak terlibat dengan aktiviti di tapak bina/premis.
7. Kontraktor hendaklah melantik atau mengadakan seorang atau lebih penyelaras bagi memastikan pematuhan langkah- langkah pencegahan penularan wabak Covid-19 di tempat kerja.
8. Kontraktor adalah diwajibkan untuk melakukan proses nyah cemar atau nyah kuman (sanitization) di kawasan guna sama di tapak bina/ruang kerja sebanyak 1 kali sebaik sahaja projek disiapkan. Proses nyah cemar juga adalah diwajibkan dilakukan sekiranya berlaku kes jangkitan positif covid-19 di kalangan pekerja kontraktor. Proses ini boleh dilaksanakan sendiri oleh kontraktor dengan merujuk Tatacara Pembersihan dan Disinfeksi di Tempat Awam, yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
9. Kontraktor perlu menyediakan kenderaaan pengangkutan, jika berkenaan, bagi pergerakan pekerja dengan mengamalkan penjarakan sosial serta memastikan penjarakan sosial dipatuhi semasa penggunaan kenderaan. Kontraktor juga perlu menjalankan proses nyah kuman setiap kali selepas kenderaan digunakan.
10. Kontraktor perlu memantau pergerakan pekerja dengan menghadkan pergerakan pekerja dari penginapan ke tapak bina/premis sahaja.

11. Kontraktor perlu memantau dan merekodkan pergerakan bahan binaan/bekalan yang dibawa masuk ke tapak bina atau premis. Pemandu/pembawa bahan/bekalan perlu diambil suhu badan dan direkodkan. Hand sanitizer perlu disediakan dan digunakan.
12. Berikut adalah langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh Kontraktor di pintu masuk tapak/premis setiap hari sebelum memulakan kerja:
  - a) Merekod dan mengisyiharkan butiran pekerja yang berada di tapak bina/premis;
  - b) Mengambil suhu badan dan menyaring gejala batuk, sakit tekak atau sesak nafas mana-mana orang setiap hari dan direkod;
  - c) Pekerja/majikan dengan suhu badan  $37.5^{\circ}$  celsius ke atas dilarang berada di tapak binaan/premis;
  - d) Menghalang mana-mana pihak yang disyaki mempunyai gejala Covid-19 daripada masuk ke tapak bina/premis;
  - e) Bagi mereka yang didapati mempunyai gejala semasa pemeriksaan sebelum masuk ke tapak bina/premis diasingkan dan dihantar untuk rawatan; dan
  - f) Menyediakan hand sanitizer atau tempat cuci tangan.
13. Berikut adalah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh kontraktor semasa kerja – kerja pembinaan dilaksanakan:
  - a) Membuat penilaian risiko dengan memasukkan elemen risiko jangkitan sebelum memulakan kerja;
  - b) Mengawal pergerakan keluar masuk;
  - c) Memastikan penjarakan sosial (1 meter di antara pekerja) diamalkan;
  - d) Memastikan pekerja tidak berada/bekerja berdekatan antara satu sama lain dalam tempoh yang lama;
  - e) Aktiviti di ruangan tertutup hendaklah diminimakan;
  - f) Pelaksanaan mesyuarat dengan mematuhi penjarakan sosial;
  - g) Memantau semua pekerja setiap masa agar tidak berkumpul;
  - h) Membekalkan setiap pekerja dengan alat pelindung diri seperti penutup hidung dan mulut (face mask) dan memastikan mereka sentiasa memakainya;
  - i) Memastikan pekerja kerap membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun;
  - j) Melaksanakan proses nyah cemar di pejabat/premis; dan
  - k) Pekerja yang disyaki mempunyai gejala Covid-19 hendaklah seger diasingkan dan dibawa ke klinik/hospital berhampiran untuk saring Covid-19.
14. Pihak kontraktor perlu memastikan tandas yang digunakan oleh pekerja adalah bersih dengan melakukan proses nyah cemar secara kerap dan berjadual serta direkodkan.
15. Berikut adalah senarai rekod yang perlu disediakan oleh kontraktor:
  - a) Mengurus, menyelia dan menyimpan rekod-rekod pekerja berhubung dengan:
    - i) Kehadiran pekerja;
    - ii) Saringan kesihatan;
    - iii) Pergerakan pekerja; dan
    - iv) Butiran peribadi pekerja.
  - b) Menyediakan rekod pengurusan kebersihan tapak bina/premis berhubung dengan:
    - i) Pembersihan lain-lain kawasan tapak bina/premis.
  - c) Menyediakan rekod pengurusan tapak bina/premis berhubung dengan:
    - i) Pengurusan risiko;
    - ii) Pergerakan keluar masuk tapak oleh pembekal barang dan perkhidmatan dan mana-mana pihak yang berurus;
    - iii) Pemeriksaan oleh pihak berkuasa; dan
    - iv) Hebahan dan kesedaran.

**SENARAI TINDAKAN BAGI KETIDAKPATUHAN OLEH SYARIKAT YANG MENYERTAI  
PEROLEHAN DI UKM**

Bil	Peringkat/Tahap	Kesalahan	Tindakan
1.	<b>Pendaftaran Pembekal</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pemalsuan sijil bagi kod bidang</li> <li>- Pemalsuan maklumat daerah</li> <li>- Pemalsuan sijil taraf Bumiputera</li> <li>- Pemalsuan maklumat syarikat seperti pemilik, pekerja, no akaun bank, alamat dll</li> <li>- Atau lain-lain kesalahan yang berkaitan dengan pendaftaran syarikat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tidak meluluskan permohonan pendaftaran</li> <li>ii. Tidak memulangkan bayaran pendaftaran</li> <li>iii. Surat amaran</li> <li>iv. Tidak memberarkan permohonan pendaftaran selama 6 bulan daripada tarikh permohonan pertama.</li> <li>v. Pelaporan kepada CIDB, MOF dan lain- lain pihak berkuasa yang berkaitan</li> </ul>
2	<b>Penyertaan Perolehan Lantikan Terus (RM20 ribu ke bawah)</b>		
	<b>a. Sebelum diluluskan tawaran</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pemalsuan sijil bagi kod bidang</li> <li>- Pemalsuan maklumat daerah</li> <li>- Pemalsuan sijil taraf Bumiputera</li> <li>- Pemalsuan maklumat syarikat seperti pemilik, pekerja, no akaun bank, alamat dll</li> <li>- Menarik diri setelah kontrak ditawarkan</li> <li>- Atau lain-lain kesalahan yang berkaitan dengan pendaftaran syarikat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Surat amaran</li> <li>ii. Pelaporan kepada CIDB, MOF dan lain- lain pihak berkuasa yang berkaitan</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b>DAN</b></p> <p><b>Kesalahan 1:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Gantung daripada menyertai semua bentuk perolehan selama 1 tahun.</li> </ul> <p><b>Kesalahan 2 dan seterusnya:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Gantung daripada menyertai semua bentuk perolehan selama 3 tahun</li> </ul>
	<b>b. Selepas diluluskan tawaran.</b>  i) Kontrak <b>belum</b> bermula (perkhidmatan / bekalan / kerja masih belum dilaksanakan		<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Surat amaran</li> <li>ii. Pelaporan kepada CIDB, MOF dan lain- lain pihak berkuasa yang berkaitan</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b>DAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>iii. Tindakan seperti di terma dan syarat kontrak (jika berkaitan)</li> <li>iv. Batal tawaran</li> </ul>

		<p>DAN</p> <p>Kesalahan 1:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Gantung daripada menyertai semua bentuk perolehan selama 1 tahun.</li> </ul> <p>Kesalahan 2 dan seterusnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Gantung daripada menyertai semua bentuk perolehan selama 3 tahun</li> </ul>
	ii) Kontrak telah bermula (perkhidmatan / bekalan / kerja masih telah mula dilaksanakan	<p>i. Surat amaran</p> <p>ii. Pelaporan kepada CIDB, MOF dan lain-lain pihak berkuasa yang berkaitan</p> <p>DAN</p> <p>iii. Tindakan seperti di terma dan syarat kontrak (jika berkaitan)</p> <p>iv. Pelantikan boleh dibatalkan</p> <p>v. Boleh lantik syarikat lain untuk menyempurnakan perkhidmatan/ bekalan/kerja yang tidak siap/bekal. Tuntutan bayaran akan dibuat kepada syarikat.</p> <p>DAN</p> <p>Kesalahan 1:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Gantung daripada menyertai semua bentuk perolehan selama 1 tahun.</li> </ul> <p>Kesalahan 2 dan seterusnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Gantung daripada menyertai semua bentuk perolehan selama 3 tahun.</li> </ul>

<p>3</p>	<p><b>Penyertaan Perolehan Melebihi RM20 ribu</b></p>		
	<p><b>a. Pembelian Dokumen</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pemalsuan sijil bagi kod bidang</li> <li>- Pemalsuan maklumat daerah</li> <li>- Pemalsuan sijil taraf Bumiputera</li> <li>- Pemalsuan maklumat syarikat seperti pemilik, pekerja, no akaun bank, alamat dll</li> <li>- Atau lain-lain kesalahan yang berkaitan dengan pendaftaran syarikat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tidak pulangkan bayaran pembelian dokumen.</li> <li>ii. Dokumen tidak dijual kepada syarikat</li> <li>iii. Surat amaran</li> <li>iv. Pelaporan kepada CIDB, MOF dan lain-lain pihak berkuasa yang berkaitan</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b>DAN</b></p> <p><b>Kesalahan 1:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Gantung daripada menyertai semua bentuk perolehan selama 2 tahun</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b>DAN</b></p> <p><b>Kesalahan 2 dan seterusnya:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Gantung daripada menyertai semua bentuk perolehan selama 5 tahun</li> </ul>
	<p><b>b. Proses penilaian</b></p> <p><b>c. Sebelum dilulus tawaran</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Surat lantikan tidak wujud</li> <li>- Pemalsuan Sijil Orang Kompeten</li> <li>- Pemalsuan pengesahan penyata kewangan dan bank</li> <li>- Pemalsuan Kad hijau (CIDB)</li> <li>- Pemalsuan sah laku kad hijau</li> <li>- Pemalsuan tandatangan</li> <li>- Pemalsuan dokumen sokongan dari pihak principal</li> <li>- Menarik diri sebelum keputusan tender/sebut harga</li> <li>- Atau lain-lain kesalahan yang berkaitan dengan perolehan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tidak dipertimbangkan untuk pemilihan</li> <li>ii. Surat amaran</li> <li>iii. Pelaporan kepada CIDB, MOF dan lain-lain pihak berkuasa yang berkaitan</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b>DAN</b></p> <p><b>Kesalahan 1:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Gantung daripada menyertai semua bentuk perolehan selama 2 tahun</li> </ul> <p><b>Kesalahan 2 dan seterusnya:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Gantung daripada menyertai semua bentuk perolehan selama 5 tahun</li> </ul>

	<p><b>d. Selepas dilulus tawaran</b></p> <p>i. Kontrak belum bermula (perkhidmatan / bekalan / kerja masih belum dilaksanakan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pelanggaran kontrak           <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lewat memberi bekalan/perkhidmatan</li> <li>• Gagal memberi bekalan/perkhidmatan</li> <li>• Gagal memberi bekalan/perkhidmatan yang berkualiti</li> <li>• Gagal mematuhi spesifikasi</li> </ul> </li> <li>- Pemalsuan dokumen tuntutan</li> <li>- Menarik diri setelah kontrak ditawarkan</li> <li>- Atau lain-lain kesalahan yang berkaitan dengan pendaftaran syarikat</li> </ul>	<p>i. Tindakan seperti di terma dan syarat kontrak (jika berkaitan)</p> <p>ii. Penamatan Surat Setuju Terima</p> <p style="text-align: center;"><b>DAN</b></p> <p><b>Kesalahan 1:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Gantung daripada menyertai semua bentuk perolehan berdasarkan tempoh kontrak atau selama 2 tahun (mana lebih tinggi)</li> <li>- Bagi yang tiada kontrak, tempoh penggantungan adalah 2 tahun</li> </ul> <p><b>Kesalahan 2 dan seterusnya:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Gantung daripada menyertai semua bentuk perolehan berdasarkan kepada tempoh kontrak atau selama 5 tahun (mana lebih tinggi)</li> <li>- Bagi yang tiada kontrak, tempoh penggantungan adalah 5 tahun</li> </ul>
	<p>ii. Kontrak telah bermula (perkhidmatan / bekalan / kerja telah mula dilaksanakan</p>		<p>i. Tindakan seperti di terma dan syarat kontrak (jika berkaitan)</p> <p>ii. Pelantikan boleh dibatalkan</p> <p>iii. Boleh lantik syarikat lain untuk menyempurnakan perkhidmatan / bekalan / kerja yang tidak siap/bekal. Tuntutan bayaran akan dibuat kepada syarikat.</p> <p style="text-align: center;"><b>DAN</b></p> <p><b>Kesalahan 1:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Gantung daripada menyertai semua bentuk perolehan berdasarkan tempoh kontrak atau selama 2 tahun (mana lebih tinggi)</li> <li>- Bagi yang tiada kontrak, tempoh penggantungan adalah 2 tahun</li> </ul>

		-	<p><b>Kesalahan 2 dan seterusnya:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Gantung daripada menyertai semua bentuk perolehan kepada tempoh kontrak atau selama 5 tahun (mana lebih tinggi)</li> <li>- Bagi yang tiada kontrak, tempoh penggantungan adalah 5 tahun</li> </ul>
4	<b>Syarikat mempunyai kesalahan daripada 1 hingga 3 dan mempunyai lantikan lain dengan UKM</b>		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pembayaran kontrak dengan semakan ketat.</li> </ul>

**SYARAT-SYARAT TENDER TAMBAHAN****SECARA AM****1.0 LOKASI**

Lokasi bagi kerja-kerja ini adalah di Dewan Budiman, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

**2.0 SKOP KERJA**

Skop kerja yang termasuk di dalam tender ini adalah seperti berikut:

1. Menyediakan perkara-perkara yang perlu sebelum kerja-kerja binaan boleh dijalankan seperti menyediakan Bon Pelaksanaan (pilihan), polisi insurans, papan tanda projek dan lain-lain perkara yang diperlukan sebagaimana kehendak permulaan dan juga arahan Pegawai Pengguna.

Pihak kontraktor dikehendaki menyediakan dua salinan (termasuk asal) 'as built drawing' dalam bentuk hard copy dan juga soft copy di dalam CD Rom sebagaimana yang dikehendaki oleh Pegawai Pengguna.

2. Kerja-kerja menaiktaraf yang dinyatakan dalam Ringkasan Tender seperti berikut :

- a) Kerja-Kerja Menaiktaraf keseluruhan bangunan (luar dan dalam) melibatkan skop kerja berikut :
  - i. Kerja Memecah dan Meroboh
  - ii. Existing Main Entrance
  - iii. Existing Foyer
  - iv. Dewan Kuliah
  - v. Bilik Kawalan
  - vi. Tandas OKU
  - vii. Laluan Pejalan Kaki
- b) Kerja-Kerja Elektrik
  - i. Infra
  - ii. Dewan
  - iii. Lobi
  - iv. Koridor
- c) Kerja-Kerja Mekanikal
  - i. Sistem Penyamanan Udara Berpusat Jenis Acpu/Ducted Split (Air Handling Unit)
  - ii. Sistem Penyamanan Udara Asing (Split Unit Air Cond)
- d) Kerja-Kerja ICT
  - i. Memasang kabel rangkaian
  - ii. Peralatan rangkaian
- e) Wang Kos Prima
- f) Wang Peruntukan Sementara

### **3.0 KERJA-KERJA SECARA AM**

Kontraktor adalah dikehendaki menyediakan tenaga pekerja yang mencukupi, bahan-bahan binaan, loji-loji serta peralatan dan kelengkapan lainnya yang sesuai dan diperlukan bagi tujuan perlaksanaan dan penyiapan kerja-kerja berkenaan dengan sempurnanya menurut spesifikasi, lukisan-lukisan, syarat-syarat kontrak dan kehendak dokumen tender secara menyeluruh. Semua kerja yang dilaksanakan dan disiapkan dengan sempurna sebagaimana arahan Pegawai Penguasa.

### **4.0 JADUAL PERANCANGAN KERJA**

Kontraktor adalah dikehendaki mengemukakan Jadual Perancangan Kerja dalam masa dua minggu dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan. Program ini akan disemak oleh Pegawai Penguasa dan Pegawai Penguasa berhak membuat pindaan yang sewajarnya dari masa kesemasa. Program kerja ini hendaklah dirancang dengan tepat dan munasabah supaya semua kerja-kerja dapat disiapkan mengikut jadual perancangan. Kegagalan pihak kontraktor mengemukakan program kerja ini boleh dianggap kontraktor tidak berminat untuk melaksanakan kerja , ini memberi hak kepada UKM untuk menamatkan kontrak berkenaan.

### **5.0 KEADAAN TAPAK BINA**

Kontraktor adalah dianggap telah melawat ke tapak bina dan telah memahami keadaan tapak bina serta halangan-halangan yang ada dan juga kerja dan cara bekerja dan pergerakan di tapak bina . Tiada sebarang tuntutan yang disebabkan kegagalan pihak kontraktor boleh dibuat dan pihak kontraktor hendaklah menanggung sendiri kos yang terlibat berpunca dari perkara ini.

Kontraktor hendaklah mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak UKM yang berkaitan dan UKM tidak akan bertanggungjawab di atas ketidak pematuhan oleh kontraktor.

### **6.0 HARI DAN WAKTU BEKERJA**

Kontraktor hendaklah mematuhi waktu-waktu rasmi bekerja, sekiranya kontraktor perlu membuat kerja di luar waktu pejabat, kontraktor adalah dikehendaki mendapatkan kelulusan terlebih dahulu. Permohonan hendaklah dibuat kepada Pegawai Penguada terlebih dahulu sebelum kerja-kerja tersebut dibuat. Sebarang masalah yang timbul adalah dibawah tanggungjawab kontraktor. Sebarang kos akibat dari perkara ini adalah dibawah tanggungjawab kontraktor.

### **7.0 LAPORAN KERJA DAN DAIRI TAPAK**

Pihak kontraktor adalah dikehendaki menyediakan laporan kemajuan kerja termasuk gambar. Laporan ini hendaklah mengikut format UKM. Selain itu wakil tapak dikehendaki menulis aktiviti harian dalam diari tapak dan disahkan oleh wakil UKM.

## **8.0 WAKIL KONTRAKTOR DI TAPAK**

Kontraktor hendaklah mengadakan seorang wakil kontraktor ditapak. Wakil kontraktor ini hendaklah sentiasa berada ditapak dan dapat dihubungi dengan mudah. Bagi tujuan ini wakil kontraktor hendaklah dilengkapi dengan sebarang alat komunikasi yang perlu dan mudah dihubungi. Wakil kontraktor juga adalah seorang yang boleh memberi sebarang keputusan dengan segera apabila terdapat sebarang masalah. Beliau hendaklah mempunyai kelayakan yang diperlukan untuk mengendalikan projek dan fasih di dalam Bahasa Malaysia.

## **9.0 PENEMPATAN PEKERJA**

Pembinaan rumah kongsi dan sebarang tempat penginapan adalah tidak dibenarkan. Pihak kontraktor dikehendaki menyediakan permit yang sah kepada pekerja bukan warga negara Malaysia. Kontraktor adalah bertanggungjawab ke atas mana-mana pekerja yang tidak sah, melakukan jenayah, mengganggu pelajar atau melakukan perbuatan tidak senonoh akan dikeluarkan dari tapak binaan.

## **10.0 SAMPAH SARAP**

Semua sampah sarap dan bahan buangan hendaklah dibersihkan dan dikeluarkan dari kawasan tapak binaan . Pihak kontraktor tidak dibenarkan melonggokkan sisa bahan binaan hingga mengganggu ketenteraman awam.

## **11.0 BEKALAN AIR DAN ELEKTRIK**

Bekalan air dan elektrik untuk tujuan pembinaan sahaja adalah dibenarkan. Pihak kontraktor adalah dikehendaki mendapat pengesahan dan kelulusan pihak Pegawai Pengguna sebelum penyambungan dibuat. Pihak kontraktor adalah bertanggungjawab sekiranya terdapat gangguan bekalan akibat dari penyambungan elektrik dan air berkenaan. Pihak kontraktor hendaklah atas usaha dan pembiayaannya sendiri mendapat bekalan air dan elektrik sekiranya berlaku gangguan bekalan disebabkan apa juar sebab.

## **12.0 PENGGUNAAN PRODUK/ BARANG-BARANG BUATAN TEMPATAN**

Penggunaan produk/ barang-barang buatan tempatan adalah diutamakan. Ini adalah selaras dengan dasar perolehan UKM yang memberi keutamaan kepada barang-barang buatan tempatan.

## **13.0 SAMPEL BAHAN**

Pihak kontraktor adalah dikehendaki mengemukakan contoh bahan binaan yang akan digunakan berserta katalog untuk pengesahan dan kelulusan Pegawai Pengguna sebelum kerja-kerja dijalankan ditapakbina.

## **14.0 TINDAKAN TATATERTIB**

Tindakan tataterrib boleh dikenakan kepada kontraktor sekiranya melakukan kesalahan ataupun ketidakpatuhan seperti mana yang dinyatakan di dalam Jadual

Senarai Tindakan Bagi Ketidakpatuhan Oleh Syarikat Yang Menyertai Perolehan Di UKM yang dilampirkan Bersama Dokumen Tender ini.

## **15.0 PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

Kontraktor adalah dikehendaki menyedia dan melaksanakan Langkah-langkah keselamatan/kesihatan (*health and safety*) ditapak bina yang perlu dan mencukupi mengikut keperluan Akta 514 Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Peraturan (1994) dan Akta 139 Kilang dan Jentera dan Peraturan (1967) dan langkah-langkah lain yang perlu sebagaimana Arahan Pegawai Pengguna seperti berikut:

- i) Peralatan perlindungan diri yang lengkap dan sesuai dengan kerja yang hendak dilaksanakan;
- ii) Pita keselamatan dan papan tanda keselamatan untuk mengasingkan kawasan kerja dengan kawasan laluan awam; dan
- iii) Mempunyai sijil kompeten pengendalian jentera atau peralatan dan sijil perakuan mesin.



UKM-SPKP-JPP-PK01-BO05(4)

No. Semakan: 03

Tarikh Kuatkuasa: 01/07/2022

**PREAMBLE KEPADA RINGKASAN TENDER****CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF DEWAN BUDIMAN UNTUK FAKULTI PENDIDIKAN, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN**

1. Ringkasan Tender ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Arahan Kepada Pentender, Syarat-Syarat Kontrak, Spesifikasi, Spesifikasi Tambahan, Maklumat-maklumat Pekilang dan Lukisan. Kontraktor hendaklah mengambil kira semua keterangan-keterangan mengenai kerja yang hendak dilaksanakan dan sebagaimana sesuatu kerja tersebut hendak dijelaskan.
2. Harga di dalam Ringkasan Tender mestilah merangkumi semua tanggungjawab kontraktor di dalam semua hal dan perkara-perkara yang diperlukan untuk tujuan pembinaan penyiapan sesuatu kerja termasuk harga untuk bahan-bahan, buruh-buruh, keuntungan dan pemindahan peralatan seperti yang diperlukan. Sekiranya terdapat butiran-butiran yang tidak dinyatakan di dalam Ringkasan Tender atau tidak dihargakan oleh Pentender maka ianya adalah dianggap telah diambil kira dan telah termasuk di dalam butiran-butiran yang lain dan tiada bayaran tambahan akan dibuat.
3. Kerja-kerja yang tersenarai ini hanyalah merupakan ringkasan kepada berbagai perkara yang perlu bagi perlaksanaan satu-satu kerja.
4. Kontraktor adalah dikehendaki melawat tapak bina bagi memahami jumlah kerja dan halangan-halangan yang ada.
5. Bagi kerja-kerja yang merupakan kuantiti sementara, harga adalah berdasarkan kuantiti sebenar ditapak di mana pengiraan semula akan dibuat setelah kerja-kerja tersebut siap dilaksanakan.
6. Kontraktor hendaklah mengemukakan pecahan harga tender dalam bentuk yang diluluskan oleh Pegawai Pengguna selepas Surat Setujuterima Tender dikeluarkan bagi tujuan bayaran interim dan penilaian perubahan kerja. Pegawai Pengguna berhak menyelaraskan pecahan harga yang dikemukakan.

## RINGKASAN HARGA TENDER

CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF DEWAN BUDIMAN UNTUK FAKULTI PENDIDIKAN,  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN

NO. TENDER: UKM/JPP/90/2022

## RINGKASAN HARGA TENDER

BILL NO.	KETERANGAN	MUKA SURAT	JUMLAH (RM)
1	<b>BQ1</b> PRELIMINARIES AND GENERAL CONDITIONS	BQ 1 / 12 of 12	.....
2	<b>BQ2</b> KERJA MEMECAH DAN MENANGGAL	BQ2 / 2	.....
3	<b>BQ3</b> KERJA-KERJA ARKITEK	BQ3 / SUM / 1	.....
4	<b>BQ4</b> KERJA-KERJA MEKANIKAL	BQ4 / 9	.....
5	<b>BQ5</b> KERJA-KERJA ELEKTRIK	BQ5 / SUM / 1	.....
6	<b>BQ6</b> KERJA-KERJA ICT	BQ6 / 4	.....
7	<b>BQ7</b> WANG KOS PRIMA (WKP)	BQ7 / 1	.....
8	<b>BQ8</b> WANG PERUNTUKAN SEMENTARA (WPS)	BQ8 / 1	.....
	JUMLAH DIBAWA KE BORANG TENDER		.....

(Tandatangan &amp; Cop Syarikat)

**RINGKASAN HARGA TENDER****CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF DEWAN BUDIMAN UNTUK FAKULTI PENDIDIKAN,  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN****NO. TENDER: UKM/JPP/90/2022****RINGKASAN HARGA TENDER**

\*\*Nota : Kontraktor hendaklah membuat pemeriksaan tapak bina. Kontraktor adalah disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ketapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangka dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjelas kos projek. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa \_\_\_\_\_ minggu dari tarikh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa

Bertarikh pada \_\_\_\_\_ haribulan \_\_\_\_\_ 2023

(Tandatangan &amp; Cop Syarikat)

(Tandatangan Saksi)

Nama : .....

Nama : .....

Atas sifat : .....

Pekerjaan : .....

No. Telefon : .....

Alamat : .....

**BQ1**  
**PRELIMINARIES AND  
GENERAL CONDITIONS**

**CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF DEWAN BUDIMAN UNTUK FAKULTI PENDIDIKAN, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN**

**BILL NO. 1 - PRELIMINARIES AND GENERAL CONDITIONS**

ITEM	DESCRIPTION
A	<p><b>GENERAL INFORMATION TO BILL OF QUANTITIES</b></p> <p><b>1.0 GENERAL</b></p> <p>1.1 The Works contained in the Contract shall include the provision of all labour, materials, constructional plant, temporary or permanent works as required in the Contract.</p> <p>1.2 The Bills of Quantities shall be read in conjunction with the Conditions of Contract, the Specification and the Drawings in the Contract Documents.</p> <p>1.3 The items as set out in the Bills of Quantities shall apply to the whole of the Works contained in the Contract and the Contractor shall allow for compliance with the same and for any cost incurred in connection therewith.</p> <p>1.4 Headings are not comprehensive and do not necessarily reflect or modify the meaning of the items in the B.Q. The exact nature and extent of the work to be carried out shall be ascertained by reference to the Contract as a whole, in particular the Conditions of Contract, the Specification and the Drawings. It shall be read together with the relevant "Method of Payment".</p> <p>1.5 The amounts inserted by the Contractor for such items shall be deemed to apply to the whole of the Works carried out under this Contract.</p> <p>1.6 Each Item shall be individually priced. Bulk pricing for sections, trades, groups or pages of items shall not be allowed and no subsequent claims for loss of expense and/or profit shall be entertained for failure to comply with this clause.</p> <p>1.7 The rates and prices inserted in the Bill of Quantities shall include cost of the works described, all risks, liabilities and obligations set forth or implied in the Contract Document and shall be deemed to include the following, unless expressly stated otherwise:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(a) the provision of labour and all costs in connection therewith;</li><li>(b) the supply of materials, goods, equipment and storage thereof including delivery to site and all costs in connection therewith;</li><li>(c) taking delivery of materials, goods, and equipments necessary for the Works and including those supplied by others, loading and unloading, storage and all costs in connection therewith;</li><li>(d) the usage of plants and machineries and all costs in connection therewith;</li></ul>

**CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF DEWAN BUDIMAN UNTUK FAKULTI PENDIDIKAN, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN**

**BILL NO. 1 - PRELIMINARIES AND GENERAL CONDITIONS**

ITEM	DESCRIPTION
1.0	<p><b>GENERAL (Cont'd)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(e) the fixing, erecting and installing or placing in position of materials, goods and equipment including around obstruction, tolerances, penetration, working space, over break etc and all costs in connection therewith;</li> <li>(f) the provision of all temporary works and all costs in connection therewith unless separately provided for in the Bill of Quantities;</li> <li>(g) the phasing requirements of the Works including the effect on the programming of the Works of all traffic and drainage diversions, special structural requirements, earthwork restrictions, alterations to services and street lighting (executed under the Contract or in conjunction with it) and all other requirements of the Contract and all costs in connection therewith;</li> <li>(h) all cost of testing to show proof of compliance with the Specification on materials and workmanship inclusive of samples of materials and submission of test results. Should the frequency of testing and sampling not be specified, then it shall be in accordance with the relevant Malaysian/British Standards and Codes of Practice. Where there is no such relevant Standards and Codes of Practice for reference, it shall then be as instructed by the S.O.;</li> <li>(i) all royalties and dues which the Contractor may be required to pay;</li> <li>(j) wastage;</li> <li>(k) establishment charges, overheads and profit;</li> <li>(l) whatsoever method of construction the Contractor may adopt.</li> </ul>
1.8	Where any priced item in the B.Q. has not been executed on site by the Contractor, the cost of such priced item shall accordingly be deducted from the Contract Sum.
1.9	All items priced shall be deemed to include compliance with the provisions of the contract, statutes, regulation, by-laws or any order or directive issued by public authority or public service company and other related legislation currently in force.
1.10	Notwithstanding the above clauses, the S.O. reserves the right to request from the Contractor the detailed breakdown of the pricing for items or rates in the B.Q. for his perusal. The detailed breakdown pricing may be used as a basis for the administration of the Contract.

**CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF DEWAN BUDIMAN UNTUK FAKULTI PENDIDIKAN, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN**

**BILL NO. 1 - PRELIMINARIES AND GENERAL CONDITIONS**

ITEM	DESCRIPTION
2.0	<b>MEASUREMENT</b>
2.1	Quantities in the Bills of Quantities are measured in accordance with the Malaysian Standard Method of Measurement of Building Works (2nd Edition Metric 2000). Where departure have been made from the standards mentioned, the method adopted in the Bills shall be adhered to for the purposes of ascertaining the value of all variations and measurements.
3.0	<b>UNPRICED ITEMS</b>
3.1	Where any item is left unpriced, it shall be deemed that the cost of such item has been allowed for elsewhere within this document. No subsequent claims arising out of expense and/or loss incurred against such unpriced item shall be entertained.
4.0	<b>GENERAL ATTENDANCE FOR NOMINATED SUB-CONTRACTORS AND NOMINATED SUPPLIERS</b>
4.1	Attendance and facilities for Nominated Sub-Contractors and Nominated Suppliers shall include :  (a) in the case of works or services executed: for allowing the use of existing working space, access, temporary roads, erected scaffolding, sanitary, welfare and other facilities existing on Site and the provision of protection, water, electricity for lighting and clearing away rubbish and debris arising from the work;  (b) in the case of goods, materials or services supplied: for taking delivery, unloading, storing, protection and returning crates, cartons and packing materials;  all as specified in the specification.
5.0	<b>PHASING SEQUENCE OF OPERATIONS AND METHODS OF CONSTRUCTION</b>
5.1	The rates and prices shall, unless otherwise stated, include for the costs of compliance with any restrictions imposed on the programming of the Works by the Government and Local Authorities and other relevant authorities dealing with phasing sequence of operations, method of construction, safety and health and liaison and access.

**CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF DEWAN BUDIMAN UNTUK FAKULTI PENDIDIKAN, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN**

**BILL NO. 1 - PRELIMINARIES AND GENERAL CONDITIONS**

ITEM	DESCRIPTION
6.0	<b>TRIALS, SAMPLES, TESTS AND INSPECTION</b>
6.1	The rates and prices shall include for a testing laboratory or an accredited laboratory approved by SIRIM, equipment and staff for carrying out the tests, tests and the effects on the progress of the Works for the carrying out of all trials, sampling and tests whether specified in the Contract Document or otherwise in order to ensure compliance with the requirements of the Specification except where separately itemised in the Bill of Quantities.
7.0	<b>EXISTING SERVICES AND MAINS</b>
7.1	The Contractor shall include in his rates and prices for taking measures to locate the actual position and provide support and full protection of existing services and mains and other equipment and machineries during the progress of the Works. The Contractor shall inform the S.O. of all arrangements with all Statutory and Public Utility Authorities.
8.0	<b>WORK UNDER WATER</b>
8.1	The rates shall include any costs arising from and in connection with the execution of work under water wherever required unless otherwise stated.
9.0	<b>PHRASEOLOGY</b>
9.1	Differences in the method of billing and in phraseology used in various parts of the Bill of Quantities and/or Schedule of Rates shall not be a basis of any claim for an increase in the rates and prices.
10.0	<b>PROVISIONAL SUM</b>
10.1	All provisional sums included in the Bill of Quantities are intended to be approximate indications only of the amounts to be expended in respect of the work described and may be omitted entirely or substantially varied without entitling the Contractor to any claim for compensation. No part of the Contractor's overhead, expenses or profit should be included in these sums when the bill is priced unless items for profit and attendance are specifically allowed for.
11.0	<b>CURRENCY OF PAYMENT</b>
11.1	Pricing of the Contract shall be in Malaysian Ringgit to two decimal place. Payment to the Contractor under the Contract shall be in Malaysian Ringgit.

**CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF DEWAN BUDIMAN UNTUK FAKULTI PENDIDIKAN, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN**

**BILL NO. 1 - PRELIMINARIES AND GENERAL CONDITIONS**

ITEM	DESCRIPTION																																	
12.0	<b>TEMPORARY DIVERSIONS</b>																																	
12.1	Work in connection with the temporary diversion and relocation of existing overhead and underground mapping and services, whether detailed in the Contract or not shall be covered by the appropriate Lump Sum Items in Bill No 1 : Preliminaries and General Conditions unless separately measured in other parts of the Bill of Quantities.																																	
13.0	<b>ABBREVIATIONS</b> The following abbreviations or symbols are generally used in the Contract Document and shall be read as follows : <table> <tbody> <tr> <td>a)</td><td>mm</td><td>: milimetre</td></tr> <tr> <td>b)</td><td>m</td><td>: metre</td></tr> <tr> <td>c)</td><td>m<sup>2</sup></td><td>: square metre</td></tr> <tr> <td>d)</td><td>m<sup>3</sup></td><td>: cubic metre</td></tr> <tr> <td>e)</td><td>kg</td><td>: kilogramme</td></tr> <tr> <td>f)</td><td>tonne</td><td>: metric ton</td></tr> <tr> <td>g)</td><td>No.</td><td>: Number</td></tr> <tr> <td>h)</td><td>L.S.</td><td>: Lump Sum</td></tr> <tr> <td>i)</td><td>P.C. Sum</td><td>: Prime Cost Sum</td></tr> <tr> <td>j)</td><td>P.S.</td><td>: Provisional Sum</td></tr> <tr> <td>k)</td><td>RM</td><td>: Ringgit Malaysia</td></tr> </tbody> </table>	a)	mm	: milimetre	b)	m	: metre	c)	m <sup>2</sup>	: square metre	d)	m <sup>3</sup>	: cubic metre	e)	kg	: kilogramme	f)	tonne	: metric ton	g)	No.	: Number	h)	L.S.	: Lump Sum	i)	P.C. Sum	: Prime Cost Sum	j)	P.S.	: Provisional Sum	k)	RM	: Ringgit Malaysia
a)	mm	: milimetre																																
b)	m	: metre																																
c)	m <sup>2</sup>	: square metre																																
d)	m <sup>3</sup>	: cubic metre																																
e)	kg	: kilogramme																																
f)	tonne	: metric ton																																
g)	No.	: Number																																
h)	L.S.	: Lump Sum																																
i)	P.C. Sum	: Prime Cost Sum																																
j)	P.S.	: Provisional Sum																																
k)	RM	: Ringgit Malaysia																																
14.0	<b>SCOPE OF WORKS</b>																																	
14.1	The works included under this Contract comprises : <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Kerja Memecah Dan Menanggal</li> <li>b) Kerja-Kerja Arkitek</li> <li>c) Kerja-Kerja Mekanikal</li> <li>d) Kerja-Kerja Elektrik</li> <li>e) Kerja-Kerja ICT</li> <li>f) Wang Kos Prima (WKP)</li> <li>g) Wang Peruntukan Sementara (WPS)</li> </ul>																																	
15.0	<b>LOCATION OF SITE</b>																																	
15.1	The site for the proposed Works is located at Dewan Budiman Fakulti Pendidikan, UKM Bangi.																																	
16.0	<b>CONTRACT DOCUMENT</b> The Contractor shall bind (hard-cover) and make four (4) hardcopies of Contract Document as specified.																																	

**CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF DEWAN BUDIMAN UNTUK FAKULTI PENDIDIKAN, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN**

**BILL NO. 1 - PRELIMINARIES AND GENERAL CONDITIONS**

ITEM	DESCRIPTION	AMOUNT (RM)
